



DASAR CUKAI PERKHIDMATAN BIL 8/2024

PENGECCUALIAN CUKAI PERKHIDMATAN KE ATAS FI ATAU KOMISEN PLATFORM DAGANGAN KOMODITI TEMPATAN

1. Menteri Kewangan menetapkan bahawa:
 - i. Penerima perkhidmatan platform dagangan komoditi tempatan diberi pengecualian daripada membayar cukai perkhidmatan ke atas fi atau komisen yang dikenakan bagi platform dagangan tersebut di bawah peruntukan subseksyen 34 (3) (a) Akta Cukai Perkhidmatan 2018; dan
 - ii. Penyedia perkhidmatan platform dagangan komoditi tempatan diberi pengecualian daripada mengenakan cukai perkhidmatan ke atas fi atau komisen platform tersebut di bawah peruntukan subseksyen 34(4), Akta Cukai Perkhidmatan 2018.
2. Kelulusan pengecualian ini adalah berkuat kuasa mulai **1 Oktober 2024** dan **terhad kepada penggunaan platform dagangan komoditi tempatan bagi tujuan urusniaga kewangan Islam sahaja.**
3. Mana-mana cukai perkhidmatan yang telah dikutip daripada pelanggan sehingga 30 September 2024 mesti diremit kepada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) berdasarkan seksyen 26, Akta Cukai Perkhidmatan 2018.
4. **Tiada bayaran balik (*refund*)** cukai perkhidmatan dibenarkan kepada mana-mana orang yang telah membayar cukai perkhidmatan sebelum 1 Oktober 2024.
5. JKDM berhak mengutip semula cukai perkhidmatan daripada mana-mana penyedia perkhidmatan yang bertanggung berdaftar di bawah subseksyen 12(2), Akta Cukai Perkhidmatan 2018 tetapi masih belum berdaftar cukai perkhidmatan atau telah berdaftar tetapi tidak meremitkan cukai perkhidmatan tersebut selaras dengan perundangan semasa yang berkuat kuasa.
6. Penyedia perkhidmatan dagangan komoditi tempatan disaran untuk mendapatkan Ketetapan Kastam dari JKDM berhubung jenis perkhidmatan bercukai bagi fi atau komisen yang dikenakan ke atas platform dagangan komoditi tempatan jika pengecualian ini ditarik balik nanti pada masa akan datang.

Penafian:

Dasar cukai perkhidmatan yang dikeluarkan ini adalah tertakluk kepada sebarang pindaan sekiranya terdapat apa-apa perubahan dasar yang berkaitan.